

“ISLAM: AGAMA RAHMAT”  
 (14 DISEMBER 2018 / 6 RABI’UL AKHIR 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي تَعَمَّدَنَا بِرَحْمَتِهِ فَجَعَلَنَا مُسْلِمِينَ وَرَجَّوَهُ رَحْمَةً تَعْمُنَا وَلَا نَطْمَعُ فِي سِوَاهَا بَدَلًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَرَحْمَتُهُ وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ، وَرَحْمَةُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، وَأَخْرَصُ النَّاسَ عَلَى هِدَايَةِ أُمَّتِهِ، بِالْمُؤْمِنِينَ رُؤُوفٌ رَحِيمٌ،  
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَقُدُّوتِنَا نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَشَفِيعِ الْأُمَّةِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ، وَبَعْدُ.  
 فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ؛ فَإِنَّ تَقْوَاهُ أَفْضَلُ مُكْتَسَبٍ وَطَاعَتُهُ أَعْلَى نَسَبٍ: قَالَ  
 اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati rahmat dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah berkenaan “Islam: Agama Rahmat” yang mengharamkan sebarang bentuk kezaliman dan penganiayaan ke atas seluruh makhluk sama ada manusia, haiwan, alam sekitar dan makhluk-makhluk Allah ﷻ yang lain sebagai mana hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Allah ﷻ berfirman melalui sabda Rasulullah ﷺ :

"يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا. فَلَا تَظَالَمُوا"

**Mafhumnya:** “Wahai hamba-Ku, Aku telah haramkan bagiku kezaliman dan Aku juga telah jadikannya haram dalam kalangan kamu. Maka janganlah kamu saling berbuat zalim”

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Islam agama rahmat, justeru Islam melarang mana-mana pihak bertindak menyiksa dan menggunakan pelbagai jenis hukuman dan layanan yang boleh dikategorikan sebagai zalim, tidak berperikemanusiaan dan mengaibkan orang lain sekali pun dalam kalangan tertuduh dan pesalah dari aspek undang-undang. Sama ada secara sembunyi atau terang-terangan, sama ada secara fizikal atau psikologi yang boleh memudaratkan manusia. Bagi mereka yang bertindak sedemikian pastinya dimurkai Allah ﷻ dan beroleh azab yang berat sebagai mana firman-Nya menerusi surah al-Syura, ayat 42:

﴿إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

**Bermaksud:** “*Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya.*”

Dengan itu, Islam menuntut agar kita membasmi segala bentuk kezaliman dan berusaha membantu golongan yang dizalimi dengan memberi perlindungan sewajarnya. Begitu juga perhatian dan bimbingan perlu diberikan kepada golongan zalim agar mereka berubah ke arah yang lebih baik. Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis daripada Anas bin Malik رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“*انصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ*”

**Mafhumnya:** “*Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, kami memahami tentang membantu golongan yang dizalimi, namun bagaimana pula kami hendak membantu golongan yang zalim? Baginda bersabda: Kamu menarik tangannya (agar tidak melakukan kezaliman).*”

Jelaslah di sini selain membantu golongan yang dizalimi, kita juga dituntut membantu golongan yang zalim dengan menghalang mereka daripada

melakukan kezaliman agar terpelihara daripada azab Allah ﷻ. Ingatlah, bahawa setiap muslim khususnya dalam kalangan pemimpin dan pihak berkuasa adalah bertanggungjawab untuk bertindak secara adil dan saksama serta menghalang kezaliman agar tidak terus berleluasa. Membiarkan kezaliman bermaharajalela pasti akan meruntuhkan tamadun dan kesejahteraan hidup manusia yang akhirnya mengundang malapetaka daripada Allah ﷻ.

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Islam adalah agama persamaan dan keadilan. Allah ﷻ bersifat adil dan cintakan keadilan serta kasihkan orang yang bersifat adil. Antara asas yang sangat ditekankan dalam syariat Islam adalah prinsip keadilan kepada semua manusia. Imam al-Mawardi menyifatkan keadilan sebagai memiliki sifat benar, terjamin keimanan, terpelihara daripada sesuatu yang haram, tenang ketika marah serta sentiasa menjaga maruah dalam urusan agama dan dunia.

Islam adalah agama yang menganjurkan keadilan di mana prinsip keadilan itu juga seharusnya mencakupi semua bidang termasuk ekonomi, sosial, politik, budaya dan lain-lain. Menegakkan keadilan akan terciptalah kebaikan kepada sesiapa sahaja, manakala pelanggaran terhadapnya dan perlakuan zalim akan mengakibatkan musibah. Keadilan juga termasuk dalam akhlak Islam yang mesti diamalkan dalam semua aspek kehidupan dan kepada semua manusia meliputi sahabat dan musuh. Sekiranya ia dipinggirkan, maka dianggap satu dosa dan kesalahan di sisi Allah ﷻ.

Konsep keadilan dalam Islam ini perlu ditonjolkan dalam setiap perhubungan, antara pemimpin dan rakyat, orang kaya dan miskin, suami dan isteri, mahupun ibu bapa dan anak-anak, malah terhadap pesalah sekalipun. Firman Allah ﷻ menerusi surah al-Nisa' ayat 58:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

**Bermaksud:** “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*”

Oleh itu, apabila keadilan ditegakkan dalam semua lapangan kehidupan, maka akan terjaminlah keamanan dan ketenteraman dalam keluarga, masyarakat dan negara. Sifat dan tabiat yang adil mencerminkan kesempurnaan akal dan akhlak yang menjanjikan kebahagiaan hakiki. Kedudukan adil bagi seorang manusia menurut pandangan Islam ditentukan oleh tahap ketakwaan yang merupakan hasil dari ketinggian ilmu dan akhlaknya, bukan berdasarkan keturunan, kekayaan mahupun kekuasaan.

Islam menuntut kita menjadi muslim yang adil, mencintai keadilan dan menyeru kepada norma-norma akhlak mulia, biarpun berhadapan dengan bukan Muslim. Keadilan dalam Islam menjamin kestabilan dan pembangunan umat manusia secara keseluruhannya. Sejarah telah membuktikan, apabila Islam membawa idea tentang keadilan dalam masyarakat jahiliah Mekah, maka mereka yang dahulunya hidup berpecah belah dan saling bermusuhan menjadi bersatu padu dan saling berkasih sayang.

Teladan terbaik aplikasi keadilan dalam Islam dapat dilihat melalui zaman pemerintahan Rasulullah ﷺ yang tidak pernah menindas dan menganiaya mana-mana pihak. Bahkan Baginda ﷺ didekati dan dikasihi oleh semua pengikutnya tanpa mengira bangsa dan agama. Imam al-Tabarany meriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ary رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"لَنْ تُؤْمِنُوا حَتَّى تَرَاحُمُوا قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ كُنَّا رَحِيمًا، قَالَ: إِنَّهُ لَيْسَ بِرَحْمَةٍ أَحَدِكُمْ صَاحِبَهُ، وَلَكِنَّهَا رَحْمَةُ الْعَامَّةِ"

**Mafhumnya:** “*Tidak akan sempurna iman sehingga kamu saling mengasihi (menyayangi) satu sama lain. Sahabat berkata: Wahai Rasulullah, kami semuanya sudah saling mengasihi. Rasulullah bersabda: Sesungguhnya kasih*

sayang itu bukan hanya dalam kalangan kamu saja tetapi kasih sayang terhadap seluruh umat manusia umumnya.”

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengajak sidang jemaah sekalian agar bersama-sama menghayati intipati khutbah, bahawa Islam adalah agama rahmat yang menjamin hak dan keadilan setiap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi dan penganiayaan terhadap sesiapa. Justeru, menjadi kewajipan kita sebagai khalifah dan umat terbaik untuk menterjemahkan konsep rahmat Islam dalam menjalani kehidupan seharian dengan berlaku adil menurut ketetapan syariat Islam. Firman Allah ﷻ menerusi surah al-A'raf, ayat: 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
﴿وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ  
مِّنَ الْمُحْسِنِينَ﴾

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ سَيِّدَ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا  
وَأَمْرًا :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا ﴾

“*Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.*”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ بْنَ  
أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ  
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا  
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى  
مَلِكِنَا، كِبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ كَلِيمَا بَلَسْ،  
سُلْطَانِ مُحَمَّدِ كَلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

وَكَذَلِكَ عَلَى دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سُلْطَانِ نَزْرِينَ مُعَزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ  
أَزَلْنِ مُحِبِّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ، تَيْمَبَالَنْ يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، وَعَلَى دُولِي يَغِ مَهَا  
مَوْلِيَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي فِيرِقِ دَارِ الرِّضْوَانِ تَوَانِكُو زَارَا سَالِيمِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمْ مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمْ لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيَزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً، يَا رُؤُوفُ بِالْعِبَادِ.  
اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمَفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ  
رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ ﷺ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا  
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ  
صُفُوفَهُمْ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

*Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,*

*Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.